

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

12. Nyatakan status penaiktarafan padang bola sepak di Stadium Mini Permatang Rawa dengan terperinci. Bila projek akan dimulakan dan bila akan siap?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Status terkini kerja-kerja penaiktarafan Stadium Mini Permatang Rawa adalah dalam peringkat permohonan Pelan Bangunan. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah bermesyuarat dengan Syarikat AEI International Berhad, iaitu kontraktor yang dilantik, serta pihak *consultant* dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) pada 24 Julai 2018 untuk menyegerakan pelaksanaan projek ini. Syarikat AEI International Berhad dijangka akan mengemukakan pelan untuk kelulusan MPSP pada hujung bulan Ogos 2018.

Berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat AEI International Berhad, tarikh mula projek adalah pada 27 Mac 2018 dan tarikh siap adalah pada 26 Mac 2019. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan, kadar *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) yang dikenakan adalah RM2,179.10 sehari.